

CNS6035

U GB 04-12 00139 BA789

aab

Mahathir - Hasutan

KUALA LUMPUR, 4 Dis. (Bernama) -- Kerajaan akan hanya menyepak untuk meminda Akta Hasutan jika difikirkan perlu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, setakat ini kerajaan belum membuat apa-apa keputusan berhubung cadangan meminda akta tersebut yang ditimbulkan semasa Perhimpunan Agung Umno yang berakhir pada Ahad lepas.

Ia hanya cadangan Umno, dan kerajaan akan menyemaknya jika difikirkan perlu; katanya kepada pemberita selepas istiadat pembukaan penggal pertama Parlimen yang kelapan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di bangunan Parlimen di sini.

+Ia cuma cadangan dalam Umno. Umno bukan kerajaan tetapi kita akan ambil perhatian,+ katanya.

Sebelum itu, Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman memberitahu pemberita, pejabatnya belum mendapat apa-apa arahan daripada kerajaan untuk mengkaji akta itu. -- Lagi

♥04/12/15-48MST

CNS6036

U GB 04-12 00122 BA790

aab

Mahathir - Hasutan 2 Kuala Lumpur

Mengenai tindakan pembangkang membuat laporan polis yang mendakwa Pemuda Umno melanggar Akta Hasutan kerana membincangkan usul Raja dan Perlembagaan, Tan Sri Abu Talib berkata, soal penyiasatan mengenai kes itu adalah tanggungjawab polis.

Bagaimanapun, katanya, tidak semestinya setiap aduan yang dibuat akan dibawa ke mahkamah kerana ia bergantung kepada hasil penyiasatan polis untuk menentukan sama ada kesalahan telah dilakukan.

+Soal sama ada sesuatu yang diucapkan berunsur hasutan atau tidak hanya boleh diputuskan oleh mahkamah,+ katanya.

Beliau berkata mahkamah perlu mengenal pasti terlebih dahulu apa sebenarnya yang diucapkan dan apakah implikasi daripada perkataan yang diucapkan sebelum menentukan sama ada ia berunsur hasutan atau tidak. --